

**PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS  
TANGAU [ TUARAN ]**

**TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian Bahagian Sabah dan Sarawak di Jabatan Perdana Menteri dalam usaha untuk melaksanakan MA63 dan desentralisasi kuasa Persekutuan kepada negeri-negeri.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNTY**  
**ONGKILI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKKMA63) yang ditubuhkan oleh Kerajaan sebelum ini pada 2018-2019, telah pun dibubarkan oleh 2 Kerajaan Pakatan Harapan pada 15 Januari 2020. JK Kabinet terdahulu (JKKKMA63) hanyalah persetujuan dasar untuk menyelesaikan tuntutan MA63 yang masih memerlukan tindakan lanjut melibatkan perubahan dasar, pindaan undang-undang sama ada peringkat persekutuan atau peringkat negeri serta melibatkan juga pelbagai Kementerian untuk dilaksanakan.

Melalui Majlis Khas Perjanjian Malaysia 1963 (Majlis Khas MA63) yang telah ditubuhkan pada 9 September 2020, hak-hak yang dituntut

oleh Sabah dan Sarawak terus diteliti dan diperhalusi secara bersama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak. Sehingga kini, Majlis Khas telah bermesyuarat sebanyak 2 kali iaitu pada 2 Disember 2020 dan 13 April 2021 dan akan bermesyuarat semula pada Oktober ini iaitu sebaik sahaja Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4, Parlimen Ke-14 ini selesai bersidang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memperhalusi tuntutan-tuntutan dan hak-hak Sabah dan Sarawak ini, empat (4) Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan di bawah Majlis Khas MA63 iaitu:

- i. Jawatankuasa Kerja Rakan Sekutu (JKRS)**  
Membincangkan cadangan Pindaan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) mengenai tafsiran “Persekutuan”, Pelembagaan Persekutuan;
- ii. Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Sabah dan Sarawak (JKSS)**  
Membincangkan perkara berkaitan keselamatan negeri seperti isu sempadan negeri Sarawak, isu imigresen seperti IMM13, Burung-Burung, Kad Banci dan PATI di negeri Sabah;
- iii. Jawatankuasa Kerja Sosio Ekonomi (JKSE)**  
Keperluan infrastruktur asas di negeri Sabah dan Sarawak seperti jalan raya, air/elektrik, kesihatan, pendidikan, digital, kemiskinan dan perumahan rakyat termiskin; dan
- iv. Jawatankuasa Perundingan Bersama Mengenai Pemberian Khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan (JCC)**  
Iaitu berkenaan semakan semula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan, ianya sedang dibincangkan dengan lebih terperinci dan menyeluruh. Bagi tujuan tersebut, YBhg. Tan Sri Peguam Negara telah diberikan tanggungjawab untuk memperhalusi

**NO. SOALAN : 42**

4 dan meneliti cadangan pindaan Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan tersebut secara bersama dengan YBhg. Peguam Besar Negeri Sabah dan YBhg. Peguam Besar Negeri Sarawak.

Cadangan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dibincangkan terlebih dahulu di peringkat Jawatankuasa Kerja Rakan Sekutu sebelum ia dibentangkan ke Majlis Khas MA63 bagi mendapatkan persetujuan bersama di antara Kerajaan Persekutuan bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak. Selepas itu, barulah cadangan pindaan tersebut akan dibentangkan ke Dewan Yang Mulia ini untuk dibahaskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**

**TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan penjelasan tentang 'Kapasiti Lonjakan Operasi' di Lembah Klang, mengapa masih ada masalah tentang sistem pendaftaran untuk vasinasi seperti warga emas tidak boleh 'walk-in'; data terhilang; sudah daftar tetapi masih tidak ada temu janji; walaupun RM70 juta telah diperuntukkan untuk integrasi data vaksin COVID-19 untuk sistem temu janji dan apakah tindakan-tindakan yang tepat dan efisien telah/akan digunakan untuk melicinkan proses.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sejak bulan Julai yang lalu, Kerajaan melaksanakan Operasi Lonjakan Kapasiti atau *Operation Surge Capacity* di Lembah Klang bagi mempercepatkan proses vaksinasia terutamanya ke atas populasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Atas usaha CITF dan KKM melalui *Greater Klang Valley Special TaskForce* dan CITF, jumlah penerima vaksin lengkap di Lembah Klang telah mencapai 111.8% manakala penerima dos pertama sahaja telah pun mencecah 115.5% pada 5 Oktober 2021.

## NO. SOALAN : 43

Sistem MySejahtera merupakan aplikasi yang dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia untuk membantu dalam pengawasan penularan wabak COVID-19 di dalam negara dengan membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri.

Penambahbaikan pada sistem tersebut turut mengambil kira integrasi sistem Farmasi sedia ada di bawah KKM dengan MySejahtera melalui MyVas, pelaksanaan integrasi sistem *dashboard*, modul pendaftaran vaksinasi MySejahtera dan penjanaan siji vaksinasi melalui MySejahtera.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan keseluruhan yang disalurkan kepada MOSTI bagi tujuan yang dimaksudkan ialah RM65.7 juta.

Pecahan perbelanjaan adalah meliputi pelbagai perkara seperti integrasi data dan janji temu termasuk menaik taraf sistem MySejahtera.

Bagi penambahbaikan kepada sistem MySejahtera yang melibatkan integrasi data dan sistem janji temu, perkara yang terlibat adalah seperti di bawah:

- i. Penambahan Perkakasan bagi Peningkatan Sistem Pengurusan Vaksin (VMS) Berasaskan Teknologi *Blockchain*;
- ii. Pendaftaran vaksinasi MySejahtera (*Google Map and Places Application Programming Interface [API]* );
- iii. Chatbot *Knowledge Driven Syntactic Parsing Intelligence* (KRISPI) dan perkhidmatan *live chat*;
- iv. Perolehan *load balancer* bagi pangkalan data ketiga PICK;
- v. *Sistem Dashboard Bersepadu COVID-19*; dan
- vi. *Penjanaan Digital Passport MySejahtera*;

**NO. SOALAN : 43**

Seterusnya, bagi memastikan kelancaran PICK, Kerajaan turut memberi tumpuan kepada perkara-perkara seperti di bawah:

- i. Pusat Panggilan (*hotline centre and chatbot*);
- ii. Penyelenggaraan sistem sukarelawan MyVAC;
- iii. Kajian terhadap *genomic surveillance* dan *immunisation surveillance*; dan
- iv. Perkhidmatan sokongan teknikal dan jaminan kualiti Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan RM65.7 juta ini adalah peruntukan siling. Oleh yang demikian, ia juga tidak semestinya dibelanjakan sepenuhnya oleh Kerajaan bagi tujuan pelaksanaan PICK.

Walaupun, jumlah perbelanjaan semasa adalah RM18.8 juta (setakat 30 September 2021).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]**

**TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah kos purata pemberian setiap dos vaksin dan nisbah staf ke kapasiti untuk Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang berbeza – Mega PPV, PPV yang menggunakan fasiliti awam, klinik-klinik swasta dan PPV bergerak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

MOSTI melalui CITF melaksanakan pemberian vaksin di negeri-negeri dengan kerjasama pelbagai agensi persekutuan di peringkat negeri bersama Kerajaan Negeri.

- Bagi PPV Awam, kos suntikan adalah percuma dan ditanggung Kerajaan. Walau bagaimanapun terdapat kos pengurusan PPV Awam dengan purata RM10 bagi setiap dos bertujuan untuk menanggung kos pengendalian vaksinasi dan peralatan pakai buang di PPV tersebut.
- Bagi PPV Mega, anggaran kos tidak melebihi RM15/seorang meliputi kos sewaan, utiliti, perkakasan untuk pengoperasian PPV, bahan pakai habis, perkhidmatan pembersihan dan sanitasi serta makan minum Petugas. Selain itu, PPV Mega juga melibatkan kos vaksinasi yang dibayar kepada Pengamal Perubatan Swasta

## NO. SOALAN : 45

(PPS) iaitu RM14 bagi setiap dos. Ini mengambil kira pelbagai kos tambahan yang perlu ditanggung oleh syarikat pengamal perubatan swasta (*Healthcare Organiser* - HCO) di PPV Mega seperti pembelian *cold box*, *fridge*, *freezer*, pembayaran *locum* kepada doktor dan jururawat, kos pengangkutan, *resus trolley*, perkhidmatan ambulan/kecemasan dan apa jua peralatan yang tidak dibekalkan oleh KKM.

- Seterusnya bagi PPV Hospital Swasta dan PPV klinik GP, kos vaksinasi yang ditanggung oleh Kerajaan adalah sebanyak RM14 dan dibayar melalui anak syarikat Kerajaan iaitu Protect Health Corporation Sdn. Bhd.
- Bagi PPV Bergerak melalui inisiatif MOVAK yang dikendalikan oleh Kementerian Perpaduan (KPN) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), terdapat kos sampingan yang terlibat seperti pengangkutan, bahan petrol dan lain-lain kos. Kos ini dinyatakan ini ditanggung oleh Kementerian berkaitan.

Bagi menjawab pertanyaan nisbah staf mengikut PPV, CITF menganggarkan jumlah staf bertugas berdasarkan kepada kapasiti bilangan penerima vaksin harian.

- Sebagai contoh, Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega dengan kapasiti 3,000 dos/sehari perlu mempunyai petugas kesihatan sekurang-kurangnya 30 orang. Bagi petugas bukan kesihatan, jumlah staf dianggarkan seramai 65 orang yang terdiri daripada sukarelawan MyVac dan petugas keselamatan yang terdiri daripada Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM).

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK LIEW CHIN JIN @ CHRISTINA  
LIEW [ TAWAU ]**

**TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa jumlah daripada 29 buah pusat vaksinasi baru itu yang sudah atau akan ditubuhkan di Sabah. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengulangi gesaan kepada Kerajaan Persekutuan supaya mempertimbangkan keperluan menubuhkan satu pusat vaksinasi baru di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Apas. Buat masa ini, kawasan Parlimen 190 Tawau merangkumi tiga kawasan DUN iaitu Sri Tanjung, Balung dan Apas tetapi ia hanya mempunyai dua buah pusat vaksinasi - satu di Sri Tanjung dan satu lagi di Balung.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 4 Oktober 2021, pelaksanaan vaksinasi di daerah Tawau, Sabah mencapai 66.2% populasi dewasa menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin manakala 53.3% populasi dewasa telah lengkap dos.

Jumlah PPV yang aktif di Sabah adalah sebanyak 46 PPV Awam dan 12 PPV Integrasi.

Bagi daerah Tawau, terdapat satu PPV Awam iaitu:

- Dewan Persatuan Bola Keranjang dengan kapasiti 3,500 dos sehari;

Manakala terdapat 3 PPV Integrasi di lokasi seperti berikut:

- Dewan Masyarakat Tawau dengan kapasiti 3,000 dos sehari;
- Dewan IPG Balung dengan kapasiti 1,500 dos sehari; dan
- Dewan Terbuka SK Merotai Besar dengan kapasiti 1,000 dos sehari.

Jumlah kapasiti harian PPV di daerah Tawau adalah sebanyak 9,000 dos sehari. Oleh yang demikian, kapasiti ini adalah mencukupi dan setakat ini, CITF Negeri belum bercadang untuk menambah PPV di kawasan DUN Apas sepertimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.